

### Pandangan islam mengenai amalan berhutang

1. Tidak digalakkan untuk umat Islam berhutang atau membuat pinjaman kewangan lebih-lebih lagi bagi tujuan yang melebihi keperluan asas.
2. Digalakkan untuk mengamalkan kehidupan secara wasatiyyah atau bersed-erhana dan mengamalkan sikap qana'ah.

### Konsep Pinjaman dalam Islam

#### 1. Al-'Ariyah      2. Al-Qadr

Melibatkan pemberian sesuatu barang atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam	Pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barang atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan
1.1 Peminjam tidak bertanggungjawab jika terjadi sebarang kerosakan terhadap barang itu kecuali jika ianya disebabkan kecuaian peminjam itu sendiri	2.1 Peminjam hendaklah memulangkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan merupakan benda yang asal.
1.2 Barang yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada tuannya dalam keadaan baik	

### Rukun al-Qard

1. Pemilikutang
  - a) sesorang yang boleh menguruskan harta (*tabarru'*)
  - b) waras/bukan kanak kanak/*majur 'alaih*
  - c) bukan secara paksaan
2. Penghutang/peminjam
  - a) berkemampuan untuk membayar semula hutang
  - b) Bukan seorang yang *majur 'alaih* kerana *safih*
3. Barang yang dihutang
  - a) Mazhab Hanafi - sah hutang jika barang itu mempunyai unit yang serupa di pasar(*mithliy*)
  - b) Mazhab Maliki, Syafi'i, Hambali - harus diberi hutang bagi barang-barang yang boleh disukut atau ditimbang
4. Sighah
  - a) mengandungi lafaz *ijab* dan *qabul*

### Larangan riba

1. Larangan riba telah dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam surah *Al-Baqarah* ayat 275

2. Telah disebut juga dalam hadith Rasulullah SAW bahawa setiap pinjaman (hutang) yang mempunyai manfaat ianya adalah riba

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم - كل فرض حر منفعة، فهو ربا

**Maksudnya:** "Rasulullah SAW telah bersabda bahawa setiap pinjaman (hutang) yang ada manfaat , ianya adalah riba."

### Prinsip al-Qard al-Hasan

1. Maksudnya ialah pinjaman yang baik.
2. Merupakan perbuatan seseorang untuk menunjukkan keprihatinannya dalam membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan wang.
3. Peminjam hanya perlu membayar semula wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah.

### Hukum al-Qard al-Hasan

1. Hukumnya adalah **sunat**
2. **Harus** bagi seseorang untuk berhutang bagi tujuan untuk membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup
3. **Tidak harus** memberikan pinjaman sekiranya diketahui bahawa wang tersebut akan digunakan bagi tujuan haram atau maksiat

Sponsored by **Readable.com**

Measure your website readability!

<https://readable.com>



By **Abdul Rahim**  
[cheatography.com/abdurahim/](https://cheatography.com/abdurahim/)

Not published yet.

Last updated 22nd June, 2020.

Page 1 of 2.

### Prinsip-prinsip umum ketika berhutang

1. Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis.
2. Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman.
3. Kepentingan menyelesaikan semua hutang turut disyaratkan dalam perwarisan.
4. Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh sebagaimana yang dijanjikan.

### Objektif pelaksanaan al-Qard al-Hasan

1. Bantu golongan yang memerlukan.
2. Rapat jurang beza antara golongan yang kaya dan miskin.
3. Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu di kalangan umat Islam.
4. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
5. Menyediakan ruang, peluang dan kemudahan kepada golongan berpendapatan rendah.
6. Menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat.
7. Sebagai salah satu wasilah da'wah kepada golongan bukan Islam.
8. Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.

### Kesimpulan

1. Islam mengharuskan umatnya untuk berhutang atau membuat pinjaman tetapi tidak bagus dijadikan sebagai amalan.
2. Islam telah membuat satu instrumen pemberian pinjaman kewangan untuk tidak membebankan pengguna.



By **Abdul Rahim**  
[cheatography.com/abdurrahim/](https://cheatography.com/abdurrahim/)

Not published yet.  
Last updated 22nd June, 2020.  
Page 2 of 2.

Sponsored by **Readable.com**  
Measure your website readability!  
<https://readable.com>